

06 SEP 2000

Mimos-Internet/I

KEMASKINI LAMAN WEB UNTUK PERANGI PEMBOHONGAN

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Salah satu daripada kaedah untuk memerangi fitnah dalam Internet ialah dengan mengemaskini dengan lebih kerap laman-laman web dan menyampaikan lebih banyak isu semasa melalui medium itu, kata Dr Mohamed Awang Lah, ketua pegawai operasi Institut Sistem Mikro-Elektronik Malaysia (Mimos).

"Bilangan laman web yang menawarkan isu-isu semasa dengan maklumat benar adalah sangat terhad...laman-laman web yang menawarkan maklumat mengenai subjek tertentu juga tidak dikemaskini untuk tempoh yang lama," kata beliau.

Beliau menjelaskan apabila berlaku kekurangan maklumat semasa ada pihak yang akan mengambil kesempatan dengan menyebarkan khabar angin.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Mimos dan ibroadNet.com Sdn Bhd di Taman Teknologi Malaysia, Bukit Jalil, di sini, bagi laman web CikguNet milik Mimos, yang merupakan gerbang pendidikan pertama di negara ini.

Ditanya mengapa gejala memfitnah melalui Internet berleluasa, Mohamed berkata ia memberi gambaran mengenai orang yang menulis fitnah itu dan bukan mengenai seluruh masyarakat.

"Tetapi ada orang yang tidak begitu arif dan mudah terpedaya dengan fitnah ini," kata beliau lagi.

Pada Selasa, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa berada di Chicago berkata, rakyat Malaysia lebih suka menggunakan Internet untuk menyebarkan fitnah dan mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak membawa manfaat.

Semalam, Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata beliau mahu sekolah-sekolah mengajar mengenai manfaat dan keburukan Internet supaya para pelajar tidak terpedaya dengan fitnah-fitnah ini.

"Adakalanya adalah sukar bagi saya untuk menyatakan jika maklumat dalam Internet adalah benar ataupun sebaliknya...hanya mangsa fitnah itu yang boleh menafikannya," kata Mohamed.

Mengenai CikguNet, satu platform online elektronik yang mempermudah perkongsian sumber pengajaran dan pembelajaran, beliau berkata gerbang itu telah mengumpulkan 2,600 guru berdaftar sejak diperkenalkan pada Mac dan dijangka menarik sejumlah 5,000 guru berdaftar menjelang hujung tahun.

Melalui perjanjian hari ini, ibroadNet.com akan menyepadukan perkhidmatan penyiaran Internetnya ke dalam CikguNet, dengan para guru boleh menggunakannya untuk menjalankan perbincangan online interaktif bersama penuntut.

Untuk menggalakkan lagi penggunaan Internet dalam pendidikan, Mimos juga hari ini melancarkan pertandingan homepej CikguNet, yang terbuka kepada semua sekolah di seluruh negara.

Sekolah-sekolah itu perlu merekabentuk satu homepej mengandungi elemen multimedia dan dalam Bahasa Melayu. Setiap sekolah hanya dibenarkan mengemukakan satu penyertaan sahaja.

-- BERNAMA

SR ES PR